


Headline	Aisyah lembut tapi lasak		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	25	ArticleSize	252 cm ²
AdValue	RM 4,981	PR Value	RM 14,942



BUKAN calang-calang wanita yang boleh terlibat dalam aktiviti lasak. Jika tidak memiliki keyakinan diri dan berani berhadapan cabaran, tentu tersungkur di pertengahan jalan.

Siapa sangka gadis ayu, mengenakan hijab dan bertutur lembut, Siti Aisyah Mohd. Sobree adalah seorang gadis lasak yang suka aktiviti mencabar.

Amat sukar baginya meninggalkan aktiviti lasak yang diminati sejak di bangku sekolah seperti mendaki gunung kerana sudah sebat dalam jiwanya.

Antara gunung yang berjaya ditawan anak kelahiran Gombak, Selangor ini adalah Gunung Batu Putih, Gunung Bujang Melaka dan Gunung Bunga Buah, selain kini merancang untuk mendaki gunung di China pada tahun hadapan.

"Semua aktiviti tersebut sangat menyeronokkan. Walaupun mendaki sinonim dengan kaum lelaki, tetapi itu bukan bermakna wanita tidak mampu melakukannya."

"Apa yang penting adalah keinginan dan jati diri. Peredaran zaman tidak meletakkan wanita di takuk lama malah, mampu bersaing pada satu tahap paling tinggi," katanya.


Graduan

SITI AISYAH MOHD. SOBREE

Umur: **26 tahun**

Minat: **Mendaki gunung**

Adik beradik: **Ketiga daripada empat beradik**

 **@aisyahsobree**

Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam Bidang Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa itu juga boleh bertutur dalam bahasa Mandarin.

Kebolehan itu diraihinya ketika menjalani latihan praktikal di China pada Oktober 2013 selama enam bulan.

"Selama menjadi anak perantau, banyak pengalaman dapat saya timba. Ia mengajar saya tentang kehidupan terutamanya perlu berdikari dalam semua aspek jika mahu menikmati kehidupan yang lebih baik."

"Sepanjang di negara itu, saya turut menjadi pemandu pelancong kepada kawan-kawan dari Malaysia dan Indonesia. Pada mulanya, saya buat kerana minat namun, tak sangka pula, saya dapat menjana pendapatan,"ujarnya.

